

16 FEB 1997

Khalil-Tioman

PAHANG RANCANG "BANDAR DALAM PULAU" DI TIOMAN

KUANTAN, 16 Feb (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang akan mewujudkan "bandar dalam pulau" di Pulau Tioman yang pembinaannya diselaraskan dengan keharmonian persekitaran pulau, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas majlis Kongsi Raya anjuran Jawatankuasa Perundingan Kaum Cina Kuantan di sini, beliau berkata projek itu yang akan dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan antara langkah mempertingkatkan kedatangan pelancong ke Pulau Tioman.

Katanya bandar itu yang mengambil contoh bandar seumpamanya di Itali dan Greece akan dilengkapi sebuah marina, kedai kraftangan dan sebuah "kedai kopi" yang membolehkan pelancong menikmati keindahan pulau sambil menghirup minuman.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mengarahkan pembinaan bandar itu semasa pertemuan dengan beliau (Khalil) di Tioman baru-baru ini.

Khalil berkata sebagai permulaan, satu kajian akan dibuat berkaitan kedudukan dan operasi bekalan air, sungai serta kawasan tadahan air supaya tidak terganggu apabila projek itu dilaksanakan kelak.

Beliau memberi jaminan bahawa projek itu tidak akan menjejaskan alam persekitaran pulau dan tidak membabitkan penebangan pokok atau bukit. Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan lokasi sebenar bandar itu.

Khalil berkata projek itu kelak akan mendatangkan banyak manfaat kepada penduduk tempatan terutamanya bagi meningkatkan tahap ekonomi dan kemahiran mereka mengendalikan pusat-pusat pelancongan.

Mengenai projek Malaysia Electrical City (MEC) di Gambang di sini, beliau berkata sehingga kini tiga daripada bangunan kilang itu telahpun siap dan kerja-kerja menempatkan peralatan untuk memulakan pengeluaran sedang giat dijalankan.

Katanya kerajaan negeri kini dalam proses memastikan latihan dalam bidang pengeluaran kepada kakitangan MEC selain mengatur aktiviti menerusi sistem vendor untuk faedah pengusaha tempatan.

Pembinaan MEC dengan pelaburan kira-kira RM4 bilion itu merupakan pusat sehenti pembeli-pembeli luar negara bagi peralatan elektrik buatan Malaysia. Kerajaan negeri Pahang dan Khazanah Holdings masing-masing memegang ekuiti sebanyak 20 peratus. -- BERNAMA

ROS AKD